

MEMASYARAKATKAN AL-QURAN DAN MENSEJAHTERAKAN UMMAH

Oleh:

Zulkifli Haji Mohd Yusoff

(Profesor Pengajian al-Qur'an, Universiti Malaya)

Pendahuluan

Al-Quran merupakan sebuah kitab hidayah yang memberikan petunjuk kepada manusia bagaimana mahu menguruskan sebuah kehidupan yang baik dan sejahtera. Umat Islam percayakan hakikat ini. Malah mereka menolak apabila orang-orang bukan Islam mempertikaikan isi kandungan kitab suci ini.

Dalam pelaksanaan kehidupan harian, umat Islam bersifat berbagai dalam menerima al-Quran sebagai pegangan hidup. Ada yang menerima sebagai amalan mingguan dimana al-Quran hanya dibaca pada hari atau malam atau sempena acara tertentu. Ada yang mencari al-Quran apabila mereka kesunyian atau apabila dilanda oleh gangguan seperti dari makhluk halus. Tidak hairan pula ada golongan yang berilmu agama mengambil kesempatan menulis atau memberikan ayat-ayat kepada pesakit yang menjadi pelanggan dengan mengenakan bayaran tertentu.

Meskipun perlakuan begini mendapat tempat dalam masyarakat kerana ia umpama menyelamatkan orang lemas berpegang kepada sabut kelapa, namun dibimbangi ia akan memberi persepsi yang negatif apabila penyakit pesakit berkenaan tidak berangsur baik. Sewaktu penyakit tersebut berjaya dibuang ia mungkin tidak menjadi masalah. Ini kerana rawatan menggunakan ayat-ayat al-Quran ada tatacara tersendiri dan ia bergantung kepada Pemilik al-Quran untuk menentukan doa dan ayat yang dibaca termakbul.

Jangan sampai perlakuan kita terhadap al-Quran boleh menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap al-Quran al-Karim sedang status al-Quran tetap kekal walau apa jua keadaan yang dihadapi.

Status Al-Quran Mensejahterakan Ummah

Al-Quran tidak berhajat kepada sumber lain bagi menjelaskan statusnya. Ia merupakan kitab agung yang tidak memerlukan apa-apa data sokongan dari manusia malah telah dijamin penjagaannya oleh Tuhan Rabbul Jalil sebagaimana didalam firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ (٩)

Bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.” (al-Hijr: 9)

Namun tidaklah pula ia bererti bahawa kita tidak menerima keterangan dari sumber yang berbagai mengenai statusnya. Misalnya keterangan dari al-Walid bin al-Mughirah sebelum dia menukar fikiran lalu mengatakan al-Quran sebagai sebuah kitab sihir setelah ditekan oleh Abu Jahal. Kata al-Walid:

فوالله! ما فيكم رجل أعلم بالأشعار مني، ولا أعلم بقصيدة مني، ولا بأشعار الجن، والله! ما يشبهه الذي يقول شيئا من هذا، ووالله!
إن لقوله الذي يقول حلاوة، وإن عليه لطلاوة، وإنه لم يعلو وما يعلو عليه

“ Demi Allah tiada seorangpun diantara kalian yang paling mengetahui soal syair daripada aku, mengetahui qasidah lebih dari aku dan syair jin selain daripadaku. Demi Allah apa yang dikatakan olehnya itu tidak mirip dengan syair. Demi Allah apa yang diucapkannya itu benar-benar indah, menghancurkan tuturan selainnya, unggul dan tidak dapat ditandingi.”

1- Al-Quran sendiri memaklumkan statusnya ialah sebagai sebuah kitab yang benar. Tiada sebarang kepalsuan pada isi kandungannya. Ia datang dari Allah Tuhan yang mencipta alam dan mencipta manusia. Allah, merupakan Tuhan Yang Maha Tahu selok belok keperluan manusia dari segi zahir dan batin. Firman Allah (swt):

وَإِنَّهُ لَكِتَابٌ عَزِيزٌ (٤١) لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ ۖ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ (٤٢)

Bermaksud: “ Demi sesungguhnya al-Quran adalah sebuah kitab yang agung, yang tidak dapat didatangi oleh kepalsuan dari mana-mana arah. Ia diturunkan dari sisi Tuhan Yang Maha Bijaksana Lagi Maha Terpuji.” (Fussilat: 41-42)

2-Al-Quran juga membuat pernyataan bahawa ia merupakan sebuah kitab yang membawa manusia kepada kehidupan yang baik. Sesiapa yang mahukan kehidupan yang bahagia dan sejahtera semestinya menuruti petunjuk tersebut. Firman Allah di dalam surah al-Isra’:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا (٩)

Bermaksud: “ Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (ugama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.” (al-Isra’:9)

Memasyarakatkan Al-Quran

Menjadi tugas dan tanggungjawab Rasulullah (saw) memasyarakatkan al-Quran. Antara cara al-Quran dimasyarakatkan ialah melalui kaedah qudwah hasanah.

1- Baginda menunjukkan satu qudwah yang baik dalam menguruskan kehidupan seharian baginda sama ada sebagai seorang suami, ketua keluarga, ketua masyarakat mahupun sebagai seorang insan hamba kepada Tuhannya. Hinggakan bila ditanya, apa peribadi baginda, dijawab oleh isterinya: “ Akhlak dan keperibadian Rasulullah adalah al-Quran itu sendiri ”.

Allah menegaskan di dalam al-Quran:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (٢١)

Bermaksud: “ Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan

yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)” (Al-Ahzab: 21)

Cara memasyarakatkannya adalah melalui qudwah hasanah yang ditunjukkan oleh baginda sendiri.

- 2- Al-Quran dimasyarakatkan melalui prinsip tadarruj. Tadarruj bermaksud hukum-hakam al-Quran diturunkan secara berperingkat. Allah s.w.t. berfirman dalam Surat al-Isra’:

وَقُرْآنًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْتٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا

Bermaksud: “ Dan Al-Quran itu telah Kami turunkan dengan berangsur-angsur agar kamu membacaknya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya bahagian demi bahagian.” (al-Isra’: 106)

Jika al-Quran tidak meraikan faktor masa, sudah tentu ia diturunkan sekaligus. Namun faktor masa diambil kira bagi membuang segala karat jahiliah untuk memacakkan di atasnya satu tiang seri yang baru. Tidak mudah bagi membuang karat yang pekat itu melainkan secara berangsur-angsur. Malah Aisyah (ra) pernah berkata; “ Jika sekiranya arak itu diharamkan dalam masa satu hari, sudah tentu ramai yang akan menolaknya..”. Dan ternyata, proses pengharaman arak mengambil masa yang lama dan melibatkan surah-surah iaitu al-Nahl: 67, al-Baqarah: 219, al-Nisa’ : 43 dan al-Maidah : 90.

- 3- Al-Quran telah sedia dikenali sebagai kitab yang menggesa manusia supaya menggunakan akal untuk berfikir. Disamping gesaan tersebut, ia menyediakan kemudahan kepada manusia untuk berfikir.

Sebagai contoh, salah satu dari approach al-Quran dalam memudahkan manusia berfikir ialah melalui metode al-Taqabul. Metode ini dikenali dalam bahasa mudahnya ialah metode perbandingan. Metode ini cukup terkenal dalam pengajian balaghatul Qur’an.

Menjadi kelaziman al-Quran, apabila disebut nasib sesuatu puak yang derhaka, ia akan disampingkan bersama nasib satu puak yang taat. Demikianlah sebaliknya. Apabila disebut hitam, ia akan disebutkan disampingnya putih. Perhatikan dua petikan ayat yang berjiran ini:

يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ ۚ فَأَمَّا الَّذِينَ اسْوَدَّتْ وُجُوهُهُمْ أَكْفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ (١٠٦)
وَأَمَّا الَّذِينَ ابْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَفِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (١٠٧)

Bermaksud: “ (Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam. Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (mereka akan ditanya secara menempelak): "Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu.” “Adapun orang-orang yang telah putih berseri mukanya, maka mereka berada dalam limpah rahmat Allah (Syurga), mereka kekal di dalamnya.” (Ali

Imran: 106-107).

- 4- Di dalam al-Quran terdapat banyak kisah. Setiap kisah itu mengandungi pengajaran. Kisah-kisah itu merupakan berita dari sejarah lepas yang diakui kebenarannya menurut parameter hari ini. Sejauh yang akal manusia dapat capai, pemaparan sejarah dari kisah umat yang lampau tersebut telah terbukti kebenarannya melalui kajian saintifik pada hari ini.

Kisah-kisah tersebut membuka minda manusia untuk berfikir. Ini kerana sejarah sering berulang dimana yang berbeza adalah pelakornya sahaja. Kadang-kadang skrip lakonan hampir serupa.

Setiap peristiwa lepas yang dicatat oleh al-Quran tidak berlalu begitu sahaja. Sebaliknya penuh ibrah dan iktibar yang memandu kehidupan manusia hari ini untuk tidak menjerumus ke lembah yang sama jika mereka itu jahat atau mengekalkan komitmen di atas landasan kebaikan jika mereka itu telah sedia baik. Kisah-kisah ini dipaparkan melalui taswir fanni yang cukup baik bagi sesiapa yang dapat menghayatinya melalui karya Allahyarham Syed Qutb.

Perhatikan perihal Ad dan Thamud yang dipaparkan oleh al-Quran ini:

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَقُلْ أَنْذَرْتُكُمْ صَاعِقَةً مِثْلَ صَاعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ (١٣) إِذْ جَاءَتْهُمْ الرُّسُلُ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ ۗ قَالُوا لَوْ شَاءَ رَبُّنَا لَأَنْزَلَ مَلَائِكَةً فَأِنَّا بِمَا أُرْسِلْتُمْ بِهِ كَافِرُونَ (١٤) فَأَمَّا عَادُ فَاسْتَكْبَرُوا فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَقَالُوا مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۗ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۗ وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يَجْحَدُونَ (١٥) فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِي أَيَّامٍ نَحْسَاتٍ لِنَدِّبَهُمْ عَذَابَ الْخَزْزِيِّ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَلِعَذَابِ الْآخِرَةِ أَحْزَى ۗ وَهُمْ لَا يُنصَرُونَ (١٦) وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَاهُمْ فَاسْتَحَبُّوا الْعَمَىٰ عَلَى الْهُدَىٰ فَأَخَذَتْهُمُ صَاعِقَةُ الْعَذَابِ الْهُونِ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ (١٧) وَنَجَّيْنَا الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ (١٨)

Bermaksud: “ (Wahai Muhammad), oleh itu, kalau mereka (yang musyrik) berpaling (daripada mengesakan Allah dan menurut jalan yang lurus), maka katakanlah (wahai Muhammad): "Aku memberi amaran kepada kamu dengan (azab yang dahsyat, iaitu) petir, seperti petir yang telah menyambar kaum Ad dan kaum Thamud!" “(Mereka ditimpa azab itu) kerana semasa mereka didatangi Rasul-rasul (memberikan berbagai penjelasan) mengenai keadaan hidup mereka di dunia dan di akhirat (sambil melarang mereka): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah", mereka menjawab: "Jika Tuhan kami hendak (mengutus Rasul-rasul) tentulah Ia akan menurunkan malaikat; oleh itu sesungguhnya kami kufur ingkar akan apa yang (kamu katakan): kamu diutus membawanya!” “Adapun kaum Ad, maka mereka berlaku sombong takbur di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar, serta berkata: "Siapakah yang lebih kuat dari kami?" Dan (mengapa mereka bersikap demikian?) Tidakkah mereka memerhatikan bahawa Allah yang menciptakan mereka (dari tiada kepada ada) adalah lebih besar kekuatannya dari mereka? Dan sememangnya mereka sengaja mengingkari tanda-tanda kekuatan Kami (sedang mereka sedia mengetahuinya).” “Lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang dalam beberapa hari yang nahas malang, kerana Kami hendak merasakan mereka azab seksa yang menghina dalam kehidupan dunia; dan sesungguhnya azab seksa hari akhirat lebih besar kehinaannya; sedang mereka tidak diberikan pertolongan (menghindarkan azab itu).” “Adapun kaum Thamud, maka Kami beri petunjuk kepadanya, lalu mereka mengutamakan kesesatan dari hidayah petunjuk;

mereka pun disambar oleh petir azab yang menghina dengan sebab apa yang mereka telah lakukan.” “Dan Kami selamatkan orang-orang yang beriman serta mereka tetap bertaqwa.” (Fussilat: 13-18).

Ayat-ayat di atas hanya sebagai persampelan sahaja dari berapa banyak kisah lampau yang memberi kesan kepada jiwa pembaca agar sentiasa terpacu dalam ingatan sepanjang masa.

- 5- Al-Quran tidak pernah berteori dalam memasyarakatkan nilai-nilai yang terdapat di dalamnya. Setiap kali ayat menyebut (الذِينَ آمَنُوا) ia akan disusuli dengan (وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ). Ini kerana iman itu bukan teori tetapi praktikal. Melalui aplikasi kerja, ibadah, komunikasi, berkelamin, memimpin, memerintah, menggunakan kuasa dan sebagainya itulah al-Quran dimasyarakatkan. Hampir tidak ada di dalam al-Quran ayat yang menyebut gesaan iman lalu ditinggalkan tanpa amal dan perilaku. Malah kadang-kadang perlakuan itu diperincikan supaya ia menjadi lebih jelas.

Realiti hari ini adalah sebaliknya. Umat Islam hari ini hidup banyak berteori. Lalu Islam itu indah sebagai prinsip hidup di atas kertas dan buku-buku, tetapi pada amalnya kelihatan jauh. Umat Islam mengamalkan riba, masih minum arak, masih berjudi, masih melakukan perbuatan fahsyah dan munkar, maka kelihatan hari ini Islam gersang dalam jiwa umatnya sendiri. Contohnya, Allah mencela melalui al-Quran perbuatan mencuri sukatan dan timbangan (lihat surah al-Mutaffifin), tetapi rata-rata peniaga Islam terlibat. Allah mencela melalui al-Quran perbuatan mengumpat dan mengeji (lihat surah al-Humaza) namun dalam Facebook, dalam blog dan sebagainya umat Islam melakukannya.

Penutup

Demikian secara ringkas kertas ini dikemukakan kepada para peserta bertujuan membongkar kehebatan al-Quran sebuah kitab yang sedia dimaklumi oleh umat Islam tentangnya.

Sayang sekali, kerana kitab ini tidak mungkin difahami untuk dihayati melainkan umat ini berusaha mempelajari bahasa ia diturunkan iaitu Bahasa Arab. Tanpa pengetahuan terhadap bahasa ini, agak sukar keenakan yang ada dalam hidangan tersebut dikecapi. Mengapa kita boleh menguasai bahasa lain selain bahasa ibunda kita tetapi kita berusaha menguasai bahasa hidayah kita?

Lebih malang, jika kita umat Islam tidak dapat membacanya apalagi untuk memahaminya. Maka akan kekal umat Islam ditakuk lama meskipun telah 30 tahun bersolat dan mengaji al-Quran.

Bahan Rujukan:

Bahan rujukan adalah hasil rumusan dari beberapa karya terdahulu oleh penulis seperti buku Kajian al-Quran terbitan Pusat Kajian al-Quran UM, Wacana al-Quran terbitan PTS, Kunci Mengenal al-Quran terbitan Berita Publishing dan Fungsi Tadabbur Dalam Menguak I'jaz al-Quran & Mukjizatnya terbitan Universiti Malaya.